

SURAT AKUAN

Saya, FAUZI BIN MUDA (K/P:591222-11-5063)(5738489) yang beralamat di No.9, Laluan Perpaduan Selatan 2, Taman Malar, 31150, Ulu Kinta, Perak Darul Ridzuan dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:-

Adalah dimaklumkan bahawa gerakan untuk membeli sekurang-kurangnya 2 orang ADUN Negeri Perak bermula selepas pilihan raya ke-12.

Pada 11hb March 2008, saya selaku Ketua Bahagian PKR Ipoh Barat, telah dibawa oleh seorang kenalan saya yang dikenali sebagai En. Sulaiman untuk pergi ke Kuala Lumpur yang kononnya atas urusan perniagaan yang baik. Setibanya kami di Tol Jalan Duta, saya telah ditunggu oleh tiga orang lelaki yang menggunakan kereta KIA NAZA. Salah seorang lelaki tersebut saya kenali sebagai Dato' Zainal Abidin Zain. Mereka telah memberitahu saya tujuan sebenar saya dibawa ialah untuk berbincang dengan Dato' Seri Najib tentang masalah politik. Saya tiada pilihan dan terpaksa mengikuti mereka ke kediaman resmi Dato' Seri Najib di PutraJaya.

Semasa saya tiba di kediaman Dato' Seri Najib, saya telah disambut oleh Dato' Seri Najib dan telah dibawa ke bilik mesyuarat khas bersama-sama dengan rombongan yang membawa saya. Dalam perbincangan tersebut, Dato' Seri Najib telah merayu kepada saya agar dapat membantu bagi memujuk sekurang-

kurangnya dua orang ADUN Negeri Perak terutama dari PKR agar lompat kepada UMNO atau menjadi sebagai wakil BEBAS. Beliau sanggup menawarkan kepada saya sebanyak RM 50 juta bagi tujuan tersebut dan terpulang kepada saya berapa jumlah yang saya hendak bayar kepada mana-mana ADUN PR yang mahu lompat.

Beliau juga berjanji akan berusaha untuk memastikan majlis perlintakan Menteri Besar Perak ditangguh sekurang-kurangnya dua hari bagi memberi masa bagi saya menguruskan agenda tersebut. Walau bagaimana pun, selepas pertemuan itu, saya tidak membuat apa-apa tindakan bagi memenuhi hasrat Dato' Seri Najib. Mereka sentiasa berhubung dengan saya dan sentiasa berusaha agar hasrat bagi membeli dua ADUN PR terutama YB Jamaluddin dan YB KPT (B) Osman berjaya.

Usaha mereka memujuk saya bagi tujuan tersebut semakin kerap semenjak kes dua EXCO PKR yang didakwa di Mahkamah atas tuduhan rasuah. Mereka telah menasarkkan kedua-dua EXCO tersebut agar dapat dipujuk dan kali terakhir ialah sebelum hari Tahun Baru China dimana mereka telah berjumpa saya dan menawarkan jika kedua-dua EXCO tersebut bersetuju untuk melompat dari PKR, Dato' Seri Najib bersedia membayar sebanyak RM 5 Juta bagi setiap orang termasuk habuan untuk saya RM 5 Juta menurut agen Dato' Seri Najib itu. Kes tuduhan kedua-dua EXCO tersebut juga akan digugurkan serta akan kekal sebagai EXCO yang disandang sekarang.

Akibat rasa bimbang takut ada unsur-unsur rasuah terhadap kedua-dua EXCO ini, kerana Dato' Seri Najib melalui agen-agen yang sentiasa berusaha untuk membuat tawaran dan pujukan melalui saya, maka itulah sebabnya saya terpaksa dedahkan dan membuat laporan kepada pihak SPRM.....2.00


16/02/2009 4:00:21 PM 02/02/2009 10:08:37
AKUAN SUMPAN
72101
TU
Jumlah RM.....2.00
RM10.00 Ridwan

Dan saya membuat surat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut didalamnya, serta menurut Undang-Undang Surat Akuan, 1960.

DIPERBUAT dan dengan sebenarnya }
diakui oleh orang yang tersebut namanya }
diatas iaitu FAUZI BIN MUDA }
di IPOH dalam Negeri PERAK }
Pada 2hb. Februari, 2009 }



Dihadapan



MAHKAMAH SESYEN / MAJISTRET
JALAN PANG. BUKIT GANTANG WAHAB
30507 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN